

Newspaper	Harakah
Date	30/1/2012


# Pelbagai transformasi Najib sekat Pakatan

Oleh SALMIYAH HARUN

TIMBALAN Presiden PAS, Mohamad Sabu mengecam dasar transformasi Najib Tun Razak yang dilaksanakan ketika negara sedang mengalami defisit belanjawan.

Katanya, pemberian wang dalam Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 setiap ahli keluarga termasuklah juga Skim Amanah Rakyat Satu Malaysia (Sara iMalaysia) bersifat menambahkan hutang negara.

"RM500 yang disalurkan kepada rakyat adalah hutang, kerajaan berhutang begitu juga



Mohamad Sabu

Skim Amanah Rakyat Satu Malaysia pun hutang.

"Rakyat kena tipu. Dan semua yang diberikan oleh kerajaan kena bayar

semula. Lihatlah nanti selepas PRU13, jika mereka menang besar," katanya kepada *Harakah*.

Jelasnya, selepas sahaja pilihan raya nanti rakyat akan terus dibebani dengan pelbagai kenaikan harga barang, kenaikan petrol dan bermacam-macam lagi termasuklah cukai.

Bagaimanapun, bagi Mohamad Sabu, transformasi Najib Tun Razak masih gagal diterjemahkan dalam erti kata sebenar.

Misalnya, kata beliau dalam meminda Akta Himpunan Aman kononnya Najib mahu menunjukkan adanya

transformasi tetapi hakikatnya tidak berlaku di mana rakyat semakin disekat hak mereka untuk berhimpun.

Begitu juga, katanya dalam penyampaian maklumat khususnya media arus perdana langsung tidak ada perubahan.

"Dari segi penambahbaikan polis masih tidak berubah, masih memihak kepada pemerintah. Tidak ada transformasi, hanya slogan sahaja, sebab untuk berdepan dengan pelbagai langkah proaktif Pakatan Rakyat setelah empat kali mengadakan konvensyennya," katanya.